

*Tarikh Dibaca: 26 OKT 2018M / 17 SAFAR 1440H*



# **KHUTBAH JUMAAAT**

*Tajuk:*

**“AKHLAK MULIA CERMINAN SOLAT  
SEMPURNA”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR**

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)  
Mantan Timbalan Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Selangor
3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)  
Bahagian Pengurusan Masjid,  
Jabatan Agama Islam Selangor
4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin (Ahli)  
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),  
Jabatan Mufti Negeri Selangor
8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)  
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)  
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)  
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)  
Bahagian Pengurusan Masjid



## "AKHLAK MULIA CERMINAN SOLAT SEMPURNA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: أَتَلُ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنْ كِتَابٍ وَأَقِيمِ  
الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرِ  
اللهِ أَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا  
أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَّقُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا  
أَتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Alhamdulillah, di hari jumaat yang barakah ini, marilah kita bersama-sama mempertingkatkan pengabdian dan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya. Saya berpesan kepada diri saya dan jemaah sekalian, agar marilah sama-sama kita bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan kesemua larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita diberikan taufik dan hidayah serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

<sup>1</sup> Al-Ankabut : 45.



Saya juga mengajak sidang hadirin sekalian, agar menghayati khutbah pada hari yang mulia ini yang bertajuk "**AKHLAK MULIA CERMINAN SOLAT SEMPURNA.**"

### Hadirin yang dikasihi Allah SWT.

Keutuhan sesuatu masyarakat adalah bergantung kepada ketinggian budi pekerti. Dengannya manusia menjadi mulia dan dihormati serta disegani, hidup bahagia dan sempurna. Budi pekerti yang mulia meliputi aspek-spek berikut:

#### Pertama: Pertuturan.

Pertuturan merupakan antara cara utama seseorang itu untuk berkomunikasi dengan seseorang yang lain. Hal ini boleh mewujudkan interaksi yang pelbagai rupa samada baik atau buruk. Tanpa kawalan dari hati yang baik, ianya boleh menzahirkan pertuturan yang buruk.

Sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu beliau berkata bahawa:

سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ  
الجَنَّةَ، فَقَالَ: تَقْوِيَ اللَّهِ وَحْسِنُ الْخُلُقِ، وَسُئِلَ  
عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ النَّارَ، فَقَالَ: الْفَمُ  
وَالْفَرْجُ

"Rasulullah SAW ditanya mengenai amalan yang boleh memasukkan seseorang itu ke dalam syurga. Baginda menjawab, Bertaqwa kepada Allah dan berakhlek mulia. Seterusnya baginda SAW ditanya pula mengenai kebanyakan amalan yang akan memasukkan manusia ke dalam neraka?. Baginda menjawab, Disebabkan mulut dan kemaluan".

(Riwayat al-Tirmizi).



Ini menunjukkan bahawa pertututan seseorang manusia akan membawa ke neraka sekiranya tidak dijaga.

### **Kedua:** Tingkah Laku.

Tingkah laku ialah perbuatan atau perilaku seseorang yang dapat dilihat dengan mata kasar dengan mudah. Suatu perbuatan itu dikatakan berakhlak mulia apabila seseorang itu melakukan perbuatan yang baik. Itulah sifat Mahmudah. Sebaliknya, perbuatan itu dikatakan buruk ialah apabila seseorang itu melakukan perbuatan yang keji dan mungkar. Dan itulah sifat-sifat yang mazmumah.

Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 134 yang bermaksud:

*"laitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah) Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara yang baik."*

### **Ketiga:** Pakaian.

Dalam Islam, cara berpakaian telah diajar dengan mudah dan lengkap sesuai dengan fitrah kehidupan manusia. Namun, hal ini telah dicampuri dengan unsur-unsur serta budaya asing yang sekaligus merosakkan dan mempengaruhi orang Islam. Ini menjadikan pemakaian orang Islam bukan lagi berunsur ibadah, tetapi berunsur fesyen dan mengikut hawa nafsu semata-mata. Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 26:



صَلَّى  
يَبْنَىٰءَادَمَ قَدْأَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَارِى سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا  
وَلِبَاسُ الْتَّقْوَىٰ ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْءَاءِيَتِ اللَّهِ لَعَلَهُمْ يَذَّكَّرُونَ



"Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur)."

### Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Sesungguhnya Allah SWT telah mengajar kita untuk menampilkan kesemua akhlak yang mulia ini melalui ibadah solat. Apabila kita fahami hakikat solat yang didirikan, ia mampu memupuk dan membentuk diri seseorang muslim untuk menunjukkan akhlak yang mulia melalui pertuturan, tingkah laku dan pakaian. Bermula dari niat sehingga memberi salam, solat yang diperintahkan oleh Allah SWT ini telah mencakupi keseluruhan cara hidup seseorang mukmin.

Sebagai contoh, dalam akhlak pertuturan, bacaan solat yang dibaca dengan khusyuk dan sempurna telah mengajar kita untuk bertutur dengan baik apabila berada diluar solat. Manakala pergerakan dan perbuatan dalam solat pula telah menterjemahkan bahawa diluar solat pun kita wajib menampilkan perbuatan dan tingkah laku yang baik apatah lagi jika ianya dilakukan secara berjemaah yang menunjukkan kepentingan hormat menghormati dan ketaatan dalam masyarakat. Begitu juga solat yang didirikan telah memberi mesej yang jelas bahawa penampilan bagi lelaki dan perempuan adalah berbeza dan masing-masing mempunyai bahagian aurat



yang wajib ditutupi. Sekaligus menunjukkan bahawa maruah dan kehormatan diri adalah sangat penting dalam Islam.

Tuntasnya akhlak yang mulia adalah cerminan daripada solat yang sempurna. Hadis sahih daripada Abu Darda Radhiallahu Anhu bahasawanya Nabi SAW bersabda:

مَا شَاءَ أَثْقَلُ فِي مِيزَانِ الْمُؤْمِنِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ  
خُلُقٌ حَسَنٌ

*"Tidak ada sesuatu pun yang lebih berat dalam timbangan amalan seseorang mukmin di hari kiamat daripada akhlak yang mulia."*

*(Riwayat al-Tirmizi).*

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Solat yang sempurna merupakan tonggak utama dalam mencorakkan keperibadian diri seseorang muslim agar keimanan dan ketakwaan dapat diraih. Bukan hanya berpenampilan baik dan sempurna semasa solat sahaja, malah di luar solat pun sama, kita wajib berpenampilan yang baik sepertimana kita solat. Dengan kata lain, apabila seseorang dapat dirikan solat dengan sempurna dan memahaminya, maka diluar solat pun ia akan membawa imej kesempurnaan itu dalam seluruh kehidupannya. Oleh kerana itulah, Saidina Umar Radhiallahu Anhu sangat mementingkan ibadah solat kepada pegawai-pegawaiannya dengan berkata:

إِنَّ أَهْمَمَ أُمُورِكُمْ عِنْدِي الصَّلَاةُ، مَنْ حَفِظَهَا  
وَحَافَظَ عَلَيْهَا فَقَدْ حَفِظَ دِينَهُ، وَمَنْ ضَيَّعَهَا فَهُوَ  
لِمَا سِوَاهَا أَضْبَعُ



*"Sesungguhnya yang paling penting dari urusan kalian adalah solat. Barangsiapa yang menjaganya dan memeliharanya maka dia telah menjaga agamanya. Barangsiapa menyia-nyiakannya, maka amalan yang lainnya akan lebih terabaikan."*

### **Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,**

Mngakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita, antaranya:

1. Umat Islam wajib meyakini bahawa ibadah solat adalah amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah mendirikan solat dengan sempurna kerana hanya dengan solat yang sempurna sahaja mampu mencegah perbuatan yang keji dan mungkar.
3. Umat Islam wajib berakhlak dengan akhlak yang mulia iaitu dengan menghiasi diri dengan sifat-sifat yang terpuji serta menjauhi sifat-sifat yang keji.
4. Umat Islam hendaklah memastikan diri, keluarga dan masyarakat agar tidak meninggalkan solat kerana ianya boleh mengundang kemurkaan Allah di dunia dan akhirat.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرَ ٤٢  
قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ٤٣



"Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata: "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar?". Orang-orang yang bersalah itu menjawab: "Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang".

(al-Mudassir : 42-43).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*

Firdaus/Nurul  
15.10.2018



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَاءُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا  
صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ  
الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَيَحْفَظِ وِقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ  
سَلاَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ،  
ابنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلاَغُورِ،  
تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ



شَاهُ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ  
يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ اأْطِلْ عُمْرَهُمَا،  
مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا<sup>١</sup>  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ  
يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*